

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WEE JECK SENG
[TANJONG PIAI]**

TARIKH : 18 MAC 2015 [RABU]

SOALAN:

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah hasil kajian keberkesanan terhadap rancangan tebatan banjir yang telah ditinjau oleh Kementerian.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek-projek tebatan banjir yang telah disiapkan dinilai melalui program penilaian *outcome* yang dijalankan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri. Penilaian *outcome* bagi projek-projek yang telah siap dalam RMKe-10 sedang dijalankan.

Daripada pemerhatian dan penilaian Kementerian, seramai 152,800 orang penduduk telah berjaya dilindungi menerusi pelaksanaan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) pada tahun 2014 dan seramai 305,500 orang penduduk berjaya dilindungi menerusi pelaksanaan RTB pada tahun 2013.

Sekian, terima kasih.